

## TRANSKRIP TEMU BUAL GURU 2

**Chin, Verbatim Temubual Guru 2, SMK A, (21.06.2013), (6:38)**

1      C, TB, G2, SMK A, (21062013), (6:38)

2  
3      **Pengkaji**

4      Selamat pagi cikgu. Apakah yang cikgu faham tentang Pendidikan  
5      Alam Sekitar?

6      **Guru**

7      Selamat pagi. Ok. kalau ikut kefahaman saya, pendidikan alam sekitar ini adalah satu  
8      langkah atau cara mendapat melindungi alam sekitar, yang diajarkan di peringkat  
9      sekolah, supaya pada masa yang akan datang generasi muda boleh dapat menikmati  
10     keindahan ataupun kemudahan alam semulajadi yang ada.

11  
12     **Pengkaji**

13     Apakah pula Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum?

14     **Guru**

15     Ok, kalau yang ini, penerapan Pendidikan Alam Sekitar merentas kurikulum ialah  
16     **penekanan** ke atas mata pelajaran ini yang merangkumi topik-topik berkaitan alam  
17     sekitar contohnya seperti dalam mata pelajaran Geografi, Biologi dan sebagainya.

18  
19     **Pengkaji**

20     Bilakah pendidikan alam sekitar diterapkan di sekolah?

21     **Guru**

22     Sebenarnya, Pendidikan Alam Sekitar ini, diterapkan di sekolah ada dua cara. Cara  
23     formal iaitu melalui PnP di dalam kelas, contohnya dalam mata pelajaran Geografi, bila  
24     ada topik berkaitan dengan tumbuhan semulajadi dan hidupan liar dan juga secara tak  
25     formal melalui aktiviti-aktiviti **ko-kurikulum**, contohnya ada aktiviti **gotong-royong**,  
26     seperti membersihkan kawasan sekolah dan juga tanam pokok pokok di sekeliling  
27     sekolah, dan juga mungkin membuat **lawatan** sambil belajar ke tempat-tempat seperti  
28     taman negara ataupun muzium supaya pelajar-pelajar ini dapat melihat secara sendiri  
29     keadaan ataupun keindahan alam sekitar.

30  
31     **Pengkaji**

32     Dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) cikgu tadi, terangkan kaedah yang cikgu  
33     gunakan untuk menerapkan tentang Pendidikan Alam Sekitar?

34     **Guru**

35     Ok, dalam pdp saya tadi, terdapat beberapa kaedah yang saya gunakan di dalam  
36     pengajaran saya. Yang pertama saya hendak menarik minat pelajar saya, saya telah  
37     **melukiskan gambar** kartun, kemudian seterusnya saya membuat sedikit **penerangan**,  
38     kemudian ada sedikit **soal jawab** yang mudah. Kemudian saya gunakan **perbincangan**  
39     **kumpulan** di mana pelajar-pelajar telah diedarkan satu borang latihan di mana mereka  
40     telah berbincang selama lebih kurang 20 minitlah, untuk mendapatkan kesan-kesan  
41     yang diakibatkan oleh kegiatan manusia.

42  
43     **Pengkaji**

44     Selain dari kaedah yang cikgu sampaikan tadi, apakah kaedah-kaedah lain yang biasa  
45     cikgu gunakan untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar semasa PdP dalam kelas?

46     **Guru**

47     Ok. Kalau kaedah lain yang saya rasa boleh digunakan ialah, boleh bawa pelajar ke  
48     makmal komputer dan memasuki ataupun **menggunakan laman-laman web** tertentu

49 berkaitan dengan alam sekitar. Tetapi kaedah ini perlulah kita membuat, aa..  
50 permohonan awal kerana penggunaan makmal komputer ini dikhaskan kepada pelajar-  
51 pelajar ict.

52  
53 **Pengkaji**

54 Bagaimanakah pula cikgu menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti ko-  
55 kurikulum di sekolah?

56 **Guru**

57 Aa.. Kalau aktiviti aktiviti lain yang saya boleh cadangkan ialah, memberi  
58 penekananlah kepada mereka tentang kepentingan alam sekitar dan minta mereka balik  
59 ke rumah, cuba *apply*kan cara cara bagaimana mereka boleh menjimatkan air,  
60 kemudian, menanam lebih banyak bunga-bunga di sekitar kawasan rumah, dan  
61 kemudian aa.. Dan, kemudian kalau jumpalah, kalau jumpa peluang ini, binatang  
62 binatang contohnya burung yang terjatuh daripada sarangnya cubalah melindungi  
63 mereka atau membela balik dan lepas semula ke alam sekitar.

64  
65 **Pengkaji**

66 Apakah nilai-nilai murni yang cikgu sampaikan semasa menerapkan Pendidikan Alam  
67 Sekitar?

68 **Guru**

69 Ok secara umumnya, nilai murni saya ialah kita kena mencintai alam sekitar ini demi  
70 generasi akan datang, kerana pada pendapat saya orang yang akan datang ini perlulah  
71 juga mengetahui keindahan yang ada dalam alam sekitar ataupun dalam kawasan  
72 yang ada tumbuh-tumbuhan semulajadi dan hidupan liar.

73  
74 **Pengkaji**

75 Apakah masalah-masalah yang cikgu hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam  
76 Sekitar?

77 **Guru**

78 Ok. Satu, ialah pada pendapat saya ialah kekangan masa. Pihak sekolah ada program-  
79 program yang tidak dapat dielakkan dan masa saya tiba-tiba menjadi suntuk. Ok, dan  
80 kemudian dari segi tak formal contohnya buat lawatan sambil belajar, sekarang banyak  
81 kesukaranlah sebab bila nak bawa pelajar, tanggungjawabnya adalah besar. Kita  
82 terpaksa meminta kerjasama daripada cikgu, dan nak mendapatkan kebenaran yang  
83 merupakan satu faktor lawatan sambil belajar ini susah untuk dijalankan.